**5226**
**Tasawwur Islam**
**Ogos/September**
**2024**
**2 jam 30 minit**

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA**
**SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024**

# TASAWWUR ISLAM

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**
Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSMNS**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**5226** ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

**Bahagian A**

| No. Soalan | Jawapan |
|---|---|
| 1. | Asnaf |
| 2. | Madani |
| 3. | Gharar |
| 4. | Amar Makruf |
| 5. | Jibril |
| 6. | Nabi Adam |
| 7. | Syariat |
| 8. | Saksi |
| 9. | F - 114 |
| 10. | G - 86 |
| 11. | J - Suami / Wali |
| 12. | K - Suami / Wali |
| 13. | L – Positif |
| 14. | M - Dinamik |
| 15. | P - Takzir / Diat |
| 16. | Q - Takzir / Diat |
| 17. | √ |
| 18. | √ |
| 19. | X |
| 20. | X |

**Bahagian B**

<table>
<tr><th colspan="3">SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td></td><td>Maksud al-Din ialah Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m).</td><td>2 isi X 1 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dua rukun Iman.<br>P1- Beriman kepada Allah SWT.<br>P2- Beriman kepada Malaikat.<br>P3- Beriman kepada Kitab-kitab-Nya.<br>P4- Beriman kepada Para Nabi dan Rasul.<br>P5- Beriman kepada Hari Akhirat.<br>P6- Beriman kepada Qadak dan Qadar.</td><td>2 isi X 1 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Ibadah yang berkaitan dengan pernyataan<br>P1- Zakat / Zakat Fitrah</td><td>1 isi X 1 m<br>[1 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(ii)</td><td>Cara ibadah tersebut mampu meningkatkan sosioekonomi masyarakat Islam.<br><br>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskankan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.</td><td>3m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan. (H3)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>4m</td></tr><tr><td>• Rumusan/ kesimpulan. (H4)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>5m</td></tr></table><br>Contoh jawapan :<br><br>Mengagihkan kekayaan dengan adil (F1). Hal ini kerana, orang yang kaya diwajibkan membayar zakat kepada yang kurang bernasib baik (H1) seperti membayar zakat fitrah pada bulan Ramadan (H2). Kesannya secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin (H3). Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha membayar zakat supaya bersama membantu fakir miskin (H4).</td><td>KBAT<br>[5 markah]</td></tr>
</table>

 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Cadangan isi :<br><br>F2- Melaksanakan program kesedaran membayar zakat.<br>F3- Memperkukuhkan pelaksanaan amalan/ syiar Islam dalam kehidupan.<br>F4- Membangunkan ekonomi muamalat Islam.<br>F5- Melestarikan pendigitalan teknologi pengurusan zakat.<br>F6- Menyokong kegiatan amal dalam membantu golongan asnaf.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (d) | | **Dua** matlamat pemilikan harta<br>P1- Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT (1m) kerana menurut peraturan syariat (1m).<br>P2- Menjamin keselamatan hidup (1m) di dunia dan akhirat (1m).<br>P3- Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) supaya boleh dicontohi (1m).<br>P4- Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman (1m) seperti pengagihan harta yag tidak adil (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (e) | (i) | **Maksud** pekerjaan ialah satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan/ dan memiliki harta (1m) dengan cara yang halal (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 markah] |
| | | (ii) | **Dua** implikasi pekerjaan yang halal kepada masyarakat.<br>P1- Masyarakat sejahtera (1m) kerana diberkati Allah SWT (1m).<br>P2- Kehidupan masyarakat maju (1m) kerana menjalankan kegiatan ekonomi yang adil (1m).<br>P3- Memudahkan masyarakat dapat melaksanakan ibadah (1m) seperti membayar zakat (1m).<br>P4- Taraf hidup masyarakat dapat dipertingkatkan (1m) ke arah masyarakat sejahtera (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |

 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | **Maksud** alam ghaib<br>Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal (1m).<br>Kewujudannya hanya dapat diketahui daripada penjelasan al-Quran dan al-Sunnah (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 markah] |
| | | (ii) | **Dua** tujuan penciptaan manusia<br>P1- Mengabdikan diri kepada Allah SWT (1m) dengan melaksanakan perintah-Nya (1m).<br>P2- Memakmurkan bumi Allah SWT (1m) berdasarkan syariat Allah SWT (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | (iii) | **Dua** tindakan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT bagi memastikan kelestarian alam sekitar.<br>P1- Mengadakan kempen kitar semula (1m) kepada masyarakat setempat (1m).<br>P2- Membentuk/ mendisiplinkan diri (1m) supaya sentiasa menjaga kebersihan (1m).<br>P3- Memupuk sikap positif masyarakat (1m) supaya mencintai dan menyayangi alam sekitar (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (b) | | **Dua** asas sistem perundangan Islam ialah<br>P1- Pencegahan.<br>P2- Pembalasan.<br>P3- Pemulihan. | 2 isi X 1 m<br>[2 markah] |
| | (c) | | Cara Islam memelihara harta.<br>P1- Menggariskan peraturan pemilikan harta (1m) supaya harta dimiliki secara halal dan sah (1m).<br>P2- Menawarkan pelbagai jenis muamalat Islam (1m) supaya manusia dapat menjalankan kegiatan ekonomi yang adil (1m).<br>P3- Melarang perbuatan menceroboh harta orang lain (1m) seperti mencuri/ merompak/ memeras ugut/ riba/ rasuah (1m).<br>P4- Mensyariatkan hukuman potong pergelangan tangan kepada pencuri (1m) supaya masyarakat takut untuk melakukan jenayah mencuri (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 markah] |
| | (d) | | Tindakan yang dapat dilaksanakan oleh masyarakat bagi membendung masalah rasuah.<br><br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[6 markah] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan.<br>• Huraian ringkas. (H1) | 2m |

**5226** ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | |
|---|---|
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap. | 3m |
| • Menghuraikan pandangan. (H3)<br>• Penerangan huraian yang lengkap. | 4m |
| • Menghuraikan pandangan. (H4)<br>• Kesimpulan ringkas. | 5m |
| • Rumusan / kesimpulan lengkap.<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. (H5) | 6m |

Contoh jawapan:

Masyarakat bersama-sama membenteras perilaku memberi dan menerima rasuah dengan melaporkan kepada pihak berkuasa (F1) bagi mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa (H1) untuk menyelamatkan masyarakat daripada kerugian dan berlaku ketirisan (H2). Kesannya negara akan kembali dihormati/ disegani oleh masyarakat antarabangsa (H3) contohnya meningkatkan kedudukan dan kualiti Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia (H4). Kesimpulannya, masyarakat hendaklah bersama-sama membasmi rasuah agar hidup dalam keadaan harmoni (H5) /mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Cadangan isi :

F2- Meningkatkan kesedaran pendidikan kepada masyarakat.
F3- Memberi sokongan dan melapor kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
F4- Mengamalkan nilai integriti dalam kehidupan seharian.

Catatan :
Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

5226 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3. | (a) | (i) | **Dua** adab dan etika kesenian menurut Islam.<br><br>P1- Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (1m).<br>P2- Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak (1m).<br>P3- Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m).<br>P4- Sentiasa memelihara ibadat wajib ketika berkarya (1m).<br>P5- Mencipta kaya yang asli (1m).<br>P6. Berkarya secara sederhana dan tidak melampau (1m).<br>P7. Tidak unsur merosakkan akidah dan maksiat semasa berkarya (1m).<br>P8- Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain semasa berkarya (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 markah] |
| | | (ii) | Kepentingan adab dan etika kesenian menurut Islam<br>P1- Mengakui kekuasaan Allah SWT (1m) Yang Maha Berkuasa lagi Maha Menciptakan (1m).<br>P2- Meningkatkan keimanan (1m) kepada Allah SWT (1m).<br>P3- Memenuhi fitrah manusia (1m) yang menyukai keindahan selari dengan syarak (1m).<br>P4- Mengetahui batasan manusia (1m) dalam berkarya (1m).<br>P5- Memberi panduan dalam menghasilkan seni (1m) yang menepati nilai-nilai akhlak Islam (1m).<br>P6- Mempamerkan kecemerlangan tamadun Islam (1m). | 1 isi X 2m<br>[2 markah] |
| | (b) | | Pandangan masuk pertandingan menulis novel cinta.<br><br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[6 markah] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan.<br>• Huraian ringkas. (H1) | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap. | 3m |
| • Menghuraikan pandangan. (H3)<br>• Penerangan huraian yang lengkap. | 4m |
| • Menghuraikan pandangan. (H4)<br>• Kesimpulan ringkas. | 5m |
| • Rumusan / kesimpulan lengkap.<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. (H5) | 6m |

Contoh jawapan :

Islam membenarkan pertandingan menulis novel (F1) kerana hukumnya harus (H1). Hal ini beliau boleh menulis tema cinta kepada Allah SWT (H2) contohnya menulis novel tentang Rabiatul Adawiyah



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | (H3). Kesannya dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (H4). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mematuhi segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya (H5).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Bertemakan kasih sayang kepada ibu bapa / keluarga.<br>F3- Cinta kepada alam ciptaan Allah SWT.<br>F4- Sayang kepada makhluk Allah SWT seperti kucing.<br>F5- Cintakan Rasulullah SAW dengan mengamalkan sunnah nabi.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (c) | | Maksud khalifah ialah individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia (1m) mengikut apa yang disyariatkan Allah SWT (1m). | 1 isi X 2m<br>[2 markah] |
| | (d) | | **Dua** pentadbiran zaman Khulafa Ar-Rasyidin.<br><br>P1- Dasar pentadbiran diputuskan (1m) melalui kaedah syura (1m).<br>P2- Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan (1m) dalam pentadbiran negara (1m).<br>P3- Pentadbiran disetiap wilayah diketuai gabenor (1m) yang dibantu oleh pegawai/ setiausaha (1m).<br>P4. Institusi baitulmal didirikan (1m) bagi mengendalikan urusan kewangan (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (e) | | **Dua** etika tadbir urus Islam<br><br>P1- Integriti (1m) dalam melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab (1m).<br>P2- Efisen (1m) dalam menghasilkan impak yang cemerlang (1m).<br>P3- Amar makruf dan nahi mungkar (1m) dengan membudayakan nilai murni dalam tadbir urus (1m).<br>P4- Sistematik (1m) iaitu perancangan dan pemantauan yang berterusan (1m).<br><br>(ETIKA)<br>A - Amar<br>S - Sntka<br>E - En.<br>I - Integriti | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |

 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Pengertian Rabbaniyyah ialah segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam (1m) adalah bersumberkan wahyu Allah SWT (1m). | 1 isi X 2 m<br>[2 markah] |
| | | (ii) | **Dua** kepentingan mengamalkan Rabbaniyyah dalam prinsip pandangan hidup Islam.<br>P1- Menjadikan Islam sebagai panduan hidup (1m) dengan berpegang kepada wahyu Allah SWT (1m).<br>P2- Mengakui kekuasaan Allah SWT (1m) yang memberi peraturan hidup (1m) untuk diikuti dan dipatuhi.<br>P3- Meningkatkan keimanan (1m) dengan melaksanakan syariat (1m).<br>P4- Meyakini bahawa seluruh makhluk merupakan hak milik Allah SWT (1m) secara mutlak (1m).<br>P5- Berpegang teguh dengan ajaran Islam (1m) dengan memahami tujuan hidup di dunia ini (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (b) | | **Dua** tindakan yang boleh diambil dalam merealisasikan amalan prinsip hidup Islam.<br><br>P1- Memberitahu secara berhemah kepada majikan (1m) bahawa menutup aurat adalah kewajipan agama (1m).<br>P2- Mencari pekerjaan lain yang sesuai dengan syariat (1m) supaya prinsip agama saya tidak tergadai (1m).<br>P3- Membuat aduan (1m) di peringkat Jabatan Kerajaan supaya majikan boleh dikenakan tindakan sepatutnya (1m).<br><br>Catatan:<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (c) | (i) | **Dua** kepentingan muamalat Islam.<br>P1- Mendapat manfaat/ ganjaran pahala (1m) kerana bermuamalat secara Islam (1m).<br>P2- Memperoleh jaminan keadilan (1m) dalam sistem kewangan Islam (1m).<br>P3- Dapat saling mengenali / mengeratkan silaturahim (1m) dalam masyarakat (1m).<br>P4- Dapat saling bantu-membantu (1m) melalui sistem ta'awun/ tabarru' (1m).<br>P5- Ekonomi negara dalam keadaan baik (1m) agar diredai Allah SWT (1m).<br>P6- Pendapatan dan pengagihan harta (1m) dapat dibuat dengan lebih efisien (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| (d) | (i) | Wakaf | | 1 isi X 1 m<br>[1 markah] |
| (d) | (ii) | Kaedah mengembangkan kefahaman masyarakat berkaitan pengurusan muamalat dan kewangan Islam di Malaysia. | | KBAT<br>[5 markah] |

Rubrik penskoran

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1) | 1m |
| • Menjelaskankan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas. | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap. | 3m |
| • Menghuraikan pandangan. (H3)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan. | 4m |
| • Rumusan/ kesimpulan. (H4)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 5m |

Contoh jawapan:

Memberikan pendidikan berterusan kepada masyarakat (F1). Hal ini kerana masyarakat perlu memahami prinsip asas muamalat (H1) supaya transaksi kewangan mematuhi syariat (H2) seperti al-wadiah. Kesannya, masyarakat dapat memperkasakan ekonomi Islam melalui pengagihan kekayaan dengan adil (H3) seperti sedekah dan zakat. Kesimpulannya. pendidikan dapat mempertingkatkan kesejahteraan umat Islam (H4).

Cadangan isi :

F2- Melaksanakan kempen kewangan Islam.
F3- Membangunkan produk ekonomi Islam.
F4- Menerbitkan artikel dan sumber rujukan ekonomi Islam.
F5- Memberikan latihan profesional kepada pemain industri.
F6- Memperkenalkan polisi dan dasar mesra kewangan Islam.

Catatan :
Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

<table>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td></td><td>Dua fungsi akal dalam memandu manusia ke jalan yang diredai Allah SWT.<br><br>P1- Memahami hakikat kebesaran Allah SWT (1m) melalui alam ciptaan-Nya (1m).<br>P2- Memahami/ memikirkan wahyu Allah SWT (1m) berdasarkan ilmu yang benar (1m).<br>P3- Memahami/ membuktikan kebenaran Islam (1m) melalui kefahaman yang sahih / berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah (1m).<br>P4- Mempelajari cara-cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m) agar tidak tersesat/ terpesong (1m).<br>P5- Membezakan kebenaran dan kebatilan (1m) berdasarkan hukum syarak (1m).<br>P6- Memikirkan kejadian makhluk/ alam (1m) untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>2 isi X 2 m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Punca berlakunya masalah tersebut. (gejala seks songsang / LGBT)<br><br>P1- Kurang didikan agama (1m) sehingga melakukan perbuatan yang dilarang Allah SWT (1m).<br>P2- Mempunyai iman yang lemah (1m) kerana tidak menuntut ilmu (1m).<br>P3- Terpengaruh dengan rakan sebaya (1m) untuk melakukan perbuatan yang merosakkan masa depan (1m).<br>P4- Melakukan pergaulan bebas (1m) sehingga mencemarkan maruah (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>1 isi X 2 m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Cara ibu bapa dapat mengatasi masalah seks songsang/ LGBT daripada berleluasa dalam kalangan remaja masa kini ialah.<br><br>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>• Menyatakan satu pandangan sahaja. (F1)</td><td>1m</td></tr><tr><td>• Menjelaskan pandangan. (H1)<br>• Huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>• Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap.<br>• Contoh atau sebab atau dalil sokongan.</td><td>3m</td></tr><tr><td>• Rumusan/ kesimpulan. (H3)<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table></td><td>KBAT<br>[4 markah]</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh jawapan:<br><br>Menerapkan pendidikan agama (F1) kepada anak-anak sejak kecil (H1) supaya mereka menjauhi perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT (H2). Kesimpulannya, ibu bapa perlu memastikan anak-anak sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan agar maruah diri dan keluarga terpelihara (H3).<br><br>Cadangan isi :<br><br>F2- Berusaha membina keluarga yang bertakwa/ kasih sayang.<br>F3- Mengambil berat/ membantu/ membimbing anak-anak.<br>F4- Melaksanakan amanah/ bertanggungjawab/ sebagai ibu bapa.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | |
| | (c) | | **Dua** contoh hukuman bagi kesalahan tersebut.<br><br>P1- Nasihat/ teguran.<br>P2- Ancaman/ pemulauan.<br>P3- Pengisytiharan umum.<br>P4- Denda/ merampas harta (sita).<br>P5- Sebat.<br>P6- Buang daerah.<br>P7- Penjara. | 2 isi X 1 m<br>[2 markah] |
| | (d) | (i) | **Dua** akibat sekiranya hakim yang dilantik tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh syarak.<br><br>P1- Menjatuhkan keputusan tidak adil (1m) sehingga berlakunya salah faham dalam masyarakat (1m).<br>P2- Mengabaikan hak-hak individu (1m) yang sepatutnya dilindungi (1m).<br>P3- Menghilangkan kepercayaan masyarakat (1m) terhadap intitusi kehakiman (1m).<br><br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | | (ii) | **Dua** sebab sistem kehakiman Islam perlu dimartabatkan di Malaysia<br><br>P1- Mahkamah bebas daripada sebarang pengaruh luar (1m) yang menjejaskan kualiti penghakiman (1m).<br>P2- Mengelakkan timbulnya prasangka negatif (1m) kepada pelaksanaan prosuder kehakiman (1m).<br>P3- Menjamin kebebasan badan kehakiman (1m) dalam membuat keputusan (1m).<br>P4- Mahkamah Syariah mampu melaksanakan bidang kuasa/ fungsinya (1m) mengikut prosedur perbicaraan (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |

 ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 6. | (a) | | **Dua** contoh sifat mahmudah dalam kehidupan bermasyarakat.<br>P1- Ikhlas melakukan kebaikan (1m).<br>P2- Bersikap benar dalam percakapan/ perbuatan/ niat (1m).<br>P3- Amanah melaksanakan tanggungjawab (1m).<br>P4- Beradab sopan dalam pergaulan (1m).<br>P5- Mengamalkan sikap menghormati (1m).<br>P6- Bersangka baik terhadap semua pihak (1m).<br>P7- Saling menyayangi antara satu sama lain (1m). | 2 isi X 1 m<br>[2 markah] |
| | (b) | | **Dua** adab pergaulan dalam Islam.<br>P1- Menjaga tutur kata (1m) supaya tidak menyakiti hati orang lain (1m).<br>P2- Berlaku adil/ ihsan (1m) terhadap semua manusia (1m).<br>P3- Menghormati/ tidak menghina orang lain (1m) agar hidup harmoni (1m).<br>P4- Bersangka baik (1m) untuk meraikan perbezaan (1m).<br>P5- Menjaga batasan pergaulan (1m) supaya maruah terpelihara (1m).<br>P6- Menjaga batasan aurat (1m) supaya maruah terjaga (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (c) | (i) | **Dua** konsep hiburan menurut Islam.<br><br>P1- Bertujuan mengagungkan Allah SWT (1m) dalam berhibur (1m).<br>P2- Berhibur (1m) selari dengan kehendak syarak (1m).<br>P3- Meliputi aspek iman dan akhlak (1m) agar terhindar dari maksiat (1m).<br>P4- Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia (1m) supaya mendapat hidayah Allah SWT (1m).<br>P5- Membangunkan potensi umat Islam (1m) dalam seni hiburan (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah |
| | (d) | | **Dua** matlamat negara Islam.<br><br>P1- Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT (1m) supaya mendapat keredaan Allah SWT (1m).<br>P2- Merealisasikan keadilan (1m) supaya tiada yang teraniaya (1m) .<br>P3- Memastikan kebajikan rakyat sentiasa terjamin (1m) agar negara aman harmoni (1m).<br>P4- Mencapai kemakmuran (1m) demi kesejahteraan rakyat (1m). | 2 isi X 2 m<br>[4 markah] |
| | (d) | | Tindakan individu dalam kehidupan bernegara<br><br>Rubrik penskoran | KBAT<br>[6 markah] |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| • Menyatakan satu pandangan sahaja. (F) | 1m |
| • Menjelaskan pandangan.<br>• Huraian ringkas. (H1) | 2m |
| • Menghuraikan pandangan. (H2)<br>• Huraian yang lengkap. | 3m |

**5226** ©2024 Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

| | |
|---|---|
| • Menghuraikan pandangan. (H3)<br>• Penerangan huraian yang lengkap. | 4m |
| • Menghuraikan pandangan. (H4)<br>• Kesimpulan ringkas. | 5m |
| • Rumusan / kesimpulan lengkap.<br>• Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. (H5) | 6m |

Contoh jawapan :

Meninggikan syariat Islam (F1) seperti melaksanakan pemerintahan berteraskan al-Quran dan Hadis (H1) demi meraih keredaan Allah SWT (H2). Hal ini menjamin keamanan dan kestabilan negara (H3). Kesannya dapat mengelakkan perbalahan dalam kalangan masyarakat (H4). Kesimpulannya negara sejahtera di dunia dan akhirat (H5).

Cadangan isi :

F2- Mematuhi peraturan dan undang-undang negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan.
F3- Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar dapat menyumbang kepada negara.
F4- Mengamalkan sikap hormat menghormati terhadap satu sama lain tanpa mengira bangsa dan agama.
F5- Mentaati arahan pemerintah bagi perkara yang tidak menyalahi syariat.
F6- Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.

Catatan :
Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**